

**LAWATAN MEMANTAU SITUASI WABAK  
SERANGAN ULAT RATUS FALL/ FALL  
ARMYWARM (FAW) DAN TAPAK-TAPAK  
PROJEK PERTANIAN DI KKP KANDOL DAN  
MERANGKING  
OLEH  
ROMBONGAN YANG BERHORMAT MENTERI  
SUMBER-SUMBER UTAMA DAN  
PELANCONGAN KE LADANG-LADANG  
DAERAH BELAIT**

**PADA: 22 HB APRIL 2020**

**DISEDIAKAN OLEH  
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**22 APRIL 2020**

## LAPORAN LAWATAN KERJA

1. **NAMA JABATAN** : Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
2. **TARIKH LAWATAN** : 22hb Syaaban 1441 bersamaan dengan 22hb April 2020
3. **ROMBONGAN LAWATAN:**
  - Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Hj Ali bin Apong, Menteri KSSUP
  - Yang Mulia Dayang Hjh Masliana Yuliah binti Abdullah, Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan
  - Yang. Mulia Awang Saidin bin Namit, Pemangku Timbalan Pengarah Pertanian dan Agrimakanan
  - Pegawai-pegawai daripada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
4. **KAWASAN-KAWASAN /TAPAK-TAPAK PROJEK YANG DI LAWATI:**
  - **Ladang Padi, Kawasan Kemajuan Pertanian Kandol**
  - **Ladang Syarikat Asia Enterprise, KKP Merangking**
  - **Ladang Syarikat Natural Biotech Resources Sdn Bhd, KKP Merangking**
  - **Ladang Syarikat Golden Chick Hatchery & Breeding farm Sdn Bhd, KKP Merangking**
  - **Ladang Syarikat NSEY Sdn Bhd, KKP Merangking**
  - **Ladang Syarikat WYWY FARM, KKP Merangking**
  - **Ladang Syarikat ALI AKKAS SDN. BHD, Kampong Tunggulian Sungai Liang, Daerah Belait.**
5. Tujuan lawatan :
  - Melawat perkembangan Kawasan Kemajuan Pertanian Kandol
  - Memantau status wabak serangan Ulat Ratus Fall/ *Fall Armyworm* (FAW) yang telah menyerang tanaman jagung di Ladang Syarikat ALI AKKAS SDN. BHD.
  - Memberi penerangan ringkas kepada peladang yang terjejas mengenai tanda-tanda serangan FAW dan kesan akibat serangannya
  - Memberikan penerangan tatacara penghapusan tanaman yang diserang dan kepentingan mengenai penghapusan tanaman berkenaan
  - Melawat perkembangan projek penanaman padi KKP Kandol
  - Melawat perkembangan di tapak-tapak syarikat yang ditawarkan di KKP Merangking bagi Ladang seperti berikut;
    - Syarikat Asia Enterprise, KKP Merangking
    - Syarikat Natural Biotech Resources Sdn Bhd, KKP Merangking
    - Ladang Syarikat Golden Chick Hatchery & Breeding farm Sdn Bhd, KKP Merangking
    - Ladang Syarikat NSEY Sdn Bhd, KKP Merangking
    - Ladang Syarikat WYWY FARM, KKP Merangking

## 6 KETERANGAN RINGKAS MENGENAI KAWASAN-KAWASAN /TAPAK-TAPAK YANG DI LAWATI:

### 6.1 KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN KANDOL

#### Latarbelakang

- Projek Pembukaan Kawasan Penanaman Padi Secara Komersial Berkeluasan 500 Hektar di Kawasan Kandol, Daerah Belait adalah merupakan sebuah projek yang diungkapkan bersama oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Kementerian Pembangunan.
- Bagi memastikan projek berskala besar ini berjaya, pengendalian penanaman padi telah ditawarkan kepada Syarikat PaddyCo Sdn. Bhd. yang mana adalah sebuah syarikat berkaitan kerajaan dan adalah merupakan anak syarikat Darussalam Assets Sdn. Bhd.
- Kerja-kerja pembukaan kawasan dijalankan secara berperingkat. Kerja-kerja pembukaan Kawasan Fasa 1 seluas 20 hektar telah pun bermula pada pertengahan tahun 2019 dan dijangka siap pada tahun 2020 manakala kerja-kerja pembukaan Kawasan Fasa 2 seluas 480 hektar pula dijangka akan bermula pada
- telah pun bermula pada pertengahan tahun 2019 dan dijangka siap pada tahun 2023.
- Penanaman Pertama di Kawasan Kemajuan Pertanian Kandol ini telah pun dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 28 Oktober 2019 yang lalu.
- Penuaian pertama juga telah selesai dilaksanakan bermula pada 08 Februari 2020 dengan pengeluaran hasil sebanyak 21.7 tan metrik padi daripada kawasan seluas 8.23 hektar yang mana seluas 7 hektar dapat ditanam dengan purata produktiviti sebanyak 3.1 mt/ha.
- InsyaAllah kerja-kerja penanaman padi akan diteruskan lagi bagi luar Musim 2020 bermula pada penghujung Mei 2020 dengan melibatkan penambahan 10 hektar menjadikan keseluruhan seluas 18.23 hektar.



*Yang Berhormat Menteri serta rombongan lawatan melawat Kawasan Kemajuan Pertanian Kandol*

## 6.2 SYARIKAT ASIA ENTERPRISE

### Latarbelakang

- **Ladang Syarikat Asia Enterprise di KKP Merangking** diuruskan oleh Chai Yum Fatt yang bergiat sejak tahun 2017 dengan syarat kegiatan Tanaman Buah-Buahan Bermusim dan Tidak Bermusim. Keluasan ladang beliau adalah 40 hektar bertempat di Site A (20 hektar) & Site B (20 hektar)



*Yang Berhormat Menteri serta rombongan lawatan melawat Ladang Syarikat Asia Enterprise di KKP Merangking*

### 6.3 SYARIKAT NATURAL BIOTECH RESOURCES SDN BHD

#### Latarbelakang

**Ladang Syarikat Natural Biotech Resources Sdn Bhd** diuruskan oleh Lim Yoeng Chee dan Lim Beng Chee yang bergiat sejak tahun 2017 dalam dengan syarat kegiatan penanaman Buah-Buahan dan sayur - sayuran. Keluasan ladang beliau adalah 20 hektar bertempat di Site B2 (20 hektar) dan site B3 (20 hektar)



*Gambar 2: Yang Berhormat Menteri serta rombongan lawatan melawat Ladang Syarikat Natural Biotech Resources Sdn Bhd di KKP Merangking*

## 6.4 SYARIKAT GOLDEN CHICK HATCHERY & BREEDING FARM SDN BHD

### Latarbelakang

Ladang Golden Chick Hatchery and Breeding Farm Sdn Bhd yang bergiat sejak tahun 2018 dan dengan syarat kegiatan Ternakan Ayam Pemiak (Breeder Farm) dengan keluasan ladang 20 hektar di Lot C1.



*Gambar 3: Yang Berhormat Menteri serta rombongan lawatan melawat di ladang ternakan ayam pemiak (Breeder Farm) bagi syarikat Golden Chick Hatchery and Breeding Farm Sdn Bhd*

## 6.5 SYARIKAT NSEY SDN BHD

### Latarbelakang

Ladang Syarikat Nsey Sdn Bhd diuruskan oleh Wong Yew Yung dan Awg Chatchai A-Mornthap yang bergiat sejak tahun 2018 dengan syarat kegiatan Tanaman Buah Durian. Keluasan ladang syarikat adalah 20 hektar bertempat di Site H1.



Gambar 4: Yang Berhormat Menteri serta rombongan lawatan melawat di ladang Syarikat Nsey Sdn Bhd di KKP Merangking, Daerah Belait.



## 6.6 SYARIKAT WYWY FARM

### Latarbelakang

Syarikat Wywy Farm diuruskan oleh Dyg Liew Tai Khiun yang bergiat sejak tahun 2019 dengan syarat kegiatan penanaman Buah-buahan dengan tanaman Durian dan Kelapa sebagai tanaman utama. Keluasan ladang beliau adalah 20 hektar bertempat di Site G1



*Gambar 5: Yang Berhormat Menteri serta rombongan lawatan melawat di ladang Syarikat Wywy Farm di KKP Merangking, Daerah Belait.*

## 6.7 Syarikat Ali Akkas Sdn. Bhd.

### Latarbelakang

Ladang Syarikat Ali Akkas Sdn. Bhd diuruskan oleh Hajah Zainab binti Abdullah yang bergiat sejak tahun 2010 dengan syarat kegiatan Tanaman sayur-sayuran dan Pelbagai tanaman. Keluasan ladang beliau adalah 0.8 hektar bertempat di Lot 4946 Kampong Tunggulian Sungai Liang, Daerah Belait.



*Gambar 3: Yang Berhormat Menteri serta rombongan lawatan melawat di Ladang Syarikat Ali Akkas Sdn. Bhd di Lot 4946 Kampong Tunggulian Sungai Liang, Daerah Belait.*